

09/06/1997

Galak anak-anak punyai minat menabung

KEMPEN galakan tabungan yang dilancarkan tahun lalu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus mendapat sambutan. Saban hari orang ramai memperkatakan mengenai galakan menabung dan faedahnya. Pelancaran kempen galakan menabung sedang giat dijalankan di peringkat negeri. Kita juga sering didedahkan dengan kempen dan iklan menerusi media cetak dan elektronik mengenai faedah menabung.

Murid sekolah dan remaja adalah golongan sasaran dalam kempen galakan menabung itu. Sememangnya golongan itu wajar diberi pendedahan mengenai faedah yang diperolehi daripada kegiatan menabung. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Penekanan terhadap remaja untuk menabung amat perlu berikutan mereka itu bakal menjadi penggerak asprasi negara pada masa depan. Di samping berbekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi, kedudukan ekonomi yang baik adalah perlu untuk menjamin masa depan.

Justeru itu, dari semasa ke semasa kita dapat melihat pelbagai galakan tabungan yang disediakan oleh institusi kewangan atau pihak Permodalan Nasional Bhd (PNB) sendiri terutamanya untuk murid sekolah dan remaja yang tidak bernasib baik dari segi kewangan. Umpamanya Skim Bantuan Pelajar Miskin yang diperkenalkan pada 1995. Sehingga Mei 1997, skim itu sudah menawarkan bantuan kepada 4,800 pelajar miskin di seluruh Selangor dan Wilayah Persekutuan. Skim bantuan pelajar miskin itu bukan saja diperuntukkan kepada pelajar Melayu malah anak-anak Orang Asli juga layak menerima skim bantuan itu.

Golongan pelajar dan remaja mempunyai pilihan untuk melabur, sama ada dengan membuka Akaun Remaja ASB atau ASW 2020. Selain daripada menggalakkan mereka menabung, remaja juga secara tidak langsung diperkenalkan kepada konsep pelaburan. Mereka juga mula mengenali apa itu dividen dan bonus. Bagi skim ASB, Akaun Remaja membuka peluang kepada remaja Bumiputera berumur 12 tahun sehingga 18 tahun untuk menyertainya. Sehingga 31 Mac 1997, seramai 403,056 pelabur remaja menyertai skim itu dengan jumlah pelaburan RM222 juta.

Bagi menggalakkan lagi penyertaan golongan remaka membuka Akaun Remaja Skim ASB pada masa depan, beberapa program dirancang. Antaranya ialah, memberi ceramah mengenai asas pelaburan kepada pelajar dan dalam tempoh yang sama membuka kaunter pendaftaran di sekolah.

Manakala skim ASW 2020 pula menawarkan unitnya kepada generasi muda pelbagai kaum di Malaysia berusia 12 sehingga 29 tahun. Skim itu bertujuan menyemai budaya melabur di kalangan generasi muda Malaysia di samping untuk menggembleng simpanan rakyat Malaysia menerusi skim saham amanah untuk pembangunan ekonomi negara.

Bagaimanapun, kerjasama ibu bapa adalah penting bagi menjayakan kempen galakan menabung itu, kerana ibu bapa boleh menyemai tabiat menabung kepada anak-anak mereka. Kerajaan boleh menjalankan pelbagai kempen, tetapi tanpa kerjasama dan galakan ibu bapa, kempen akan hanya tinggal kempen.

Kebanyakan ibu bapa sering memberikan hadiah permainan atau benda lain sebagai ganjaran kepada kejayaan anak mereka. Oleh itu, bagi mewujudkan budaya melabur adalah wajar jika hadiah itu ditukarkan kepada buku pelaburan.

Sebagai permulaan, walaupun jumlah pelaburan yang dibuat itu mungkin kecil tetapi amat memadai untuk menarik minat mereka untuk menambah

pelaburan pada masa depan.

(END)